

Mahathir: Peluang DAP perintah Perak amat sukar

DARI
KHALID MOHD.

FRANKFURT 23 Mei 1978

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perak yang baru dilantik, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, peluang DAP untuk memerintah negeri ini yang dianggap sebagai salah satu kubunya yang kuat adalah amat sukar.

Beliau menegaskan, DAP tidak mempunyai pengaruh di kawasan-kawasan luar bandar di Perak dengan kehadiran MCA dan Gerakan.

Timbalan Perdana Menteri yang sedang mengetuai delegasi pelaburan Malaysia ke Eropah menambah, Barisan Nasional mempunyai MCA dan Gerakan untuk menentang DAP di mana-mana sahaja.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas perlintikannya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perak Jumaat lalu oleh Datuk Hussein Onn.

"Tugas pertama saya ialah memanggil mesyuarat perhubungan dan mengenali para pemimpin UMNO negeri itu dengan lebih dekat," ujar beliau.

Bila diminta mengulas perlintikannya itu yang dibuat di saat-saat demam pilihanraya sedang memuncak, Dr. Mahathir sambil tersenyum lebar berkata: "Saya tidak fikir ia mempunyai bearing ke atas pilihanraya."

Menjawab satu pertanyaan lain, Dr. Mahathir berkata bahawa beliau tidak ada menerima sebarang berita tentang kemungkinan perhimpunan agung UMNO yang dijadualkan berlangsung mulai 22 Jun akan ditunda untuk membolehkan pilihanraya awal.

"Sejauh yang saya tahu, perhimpunan agung UMNO selama empat hari itu akan berlangsung seperti yang dijadualkan," ujarnya.

Ditanya sama ada penangkapan Setiausaha Agung DAP, Encik Lim

Dalam satu temuramah dengan Utusan Malaysia di sini hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir yang kelihatan letih setelah menghadiri seminar pelaburan sehari suntuk berkata, beliau telah diberitahu tentang perlintikan itu melalui sepucuk kawat yang dihantar kepada Kedutaan Malaysia di Bonn.

Menurutnya, kawat itu juga memberitahu bahawa beliau tidak lagi menjadi Ketua Pentadbir UMNO Melaka, tugas ini yang dipegangnya sejak kesemua bahagian UMNO Melaka digantung diambil alih oleh Datuk Musa Hitam.

Jawatan Ketua Perhubungan UMNO Perak sebegini dipegang oleh bekas Menteri Besar, Tan Sri Ghazali Jawi yang kini adalah seorang senator.

Dr. Mahathir akan memanggil satu mesyuarat Perhubungan UMNO Perak sebaiknya sahaja beliau pulang ke tanahair 1 Jun ini.

Katanya, mesyuarat tersebut adalah perlu untuk menilai sejauh manakah kekuatan UMNO dan juga Barisan Nasional di Negeri Perak untuk membolehkan satu strategi baru disusun.

Kit Siang atas tuduhan membocorkan rahsia kerajaan akan memudahkan Barisan Nasional memenangi pilihanraya, Dr. Mahathir berkata: "Perkara tersebut adalah perkara undang-undang."

Beliau menegaskan, adalah tidak menghairankan jika penangkapan itu dianggap sebagai satu helah politik, "tapi sebenarnya ia hanyalah satu kebetulan sahaja."